

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 OKTOBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 11

Peruntukan RM393.8b pastikan ekonomi negara kekal mampan

Peruntukan RM393.8b pastikan ekonomi negara kekal mampan

Tiga kementerian penerima utama Belanjawan 2024 babit 42.3 peratus daripada jumlah perbelanjaan

Kerajaan Persekutuan bertekad memperkuatkan sumber bagi memperkuatkan pembentukan modal ke arah memastikan kemapanan pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang dengan sejumlah RM393.8 bilion atau 19.9 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) diperuntukan bagi Belanjawan 2024.

Dari pada jumlah itu, RM303.8 bilion atau 77.1 peratus disalurkan kepada perbelanjaan mengurus (OE), manakala baki RM90 bilion diperuntukan kepada perbelanjaan untuk pembangunan (DE).

Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan adalah tiga penerima utama Belanjawan 2024 merangkumi 42.3 peratus daripada jumlah perbelanjaan.

Mengikut sektor, sektor sosial di peruntukan RM149.7 bilion atau 7.6 peratus daripada KDNK, diikuti ekonomi (RM66.7 bilion; 3.4 peratus), keselamatan (RM40.1 bilion; dua peratus) dan pentadbiran am (RM16.9 bilion; 0.9 peratus).

Baki RM120.4 bilion diperuntukan bagi perbelanjaan tangguhan dan bayaran pindahan.

Peruntukan OE dianggar sebanyak RM303.8 bilion atau 15.4 peratus daripada KDNK bagi terus menyokong penggunaan sektor awam.

Walau pun terdapat peningkatan peruntukan untuk emolument, bayaran khidmat hutang (DSC), bayaran persaraan serta perkhidmatan dan bekalan, namun kenaikan itu diimbangi dengan peruntukan subsidi lebih rendah yang menyebabkan OE meningkat sedikit pada kadar 1.2 peratus berbanding 2023.

Emolument untuk penjawat awam kekal sebagai komponen terbesar yang merangkumi 31.9 peratus daripada OE dan dijangka meningkat 4.8 peratus kepada RM95.6 bilion.

Pertumbuhan itu terutama disumbangkan oleh kenaikan gaji tahunan dan pengambilan baharu untuk mengisi jawatan kritikal khususnya dalam perkhidmatan kesihatan dan pendidikan.

Subsidi dan bantuan sosial yang merangkumi 17.4 peratus daripada OE dijunur menyusut 17.9 peratus kepada RM52.8 bilion disebabkan pelaksanaan program rasionalisasi subsidi secara berperingkat terutama bahan api dan elektrik.

Dari pada jumlah itu, sekitar 60 peratus digunakan untuk bayaran subsidi, manakala selebihnya adalah untuk bantuan sosial dan insentif.

Di samping itu, program bantuan sosial akan terus diperkuatkan melalui pembangunan pangkalan data berpusat yang baharu untuk mengatasi isu ralat pemasukan dan penyisihan.

Pembentukan Kerajaan Persekutuan (2022-2023)

	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2022	2023 ²	2022	2023 ²
Pinjaman Kasar	RM230.95 bilion	RM228.5 bilion	100 peratus	100 peratus
Dalam Negeri	RM230.95 bilion	RM228.5 bilion	100 peratus	100 peratus
MGS	RM86.5 bilion	RM91.0 bilion	37.5 peratus	39.8 peratus
MGII	RM85.0 bilion	RM95.0 bilion	36.8 peratus	41.6 peratus
Bil Perbandaran	RM59.45 bilion	RM42.5 bilion	25.7 peratus	18.6 peratus
Luar pesisir	-	-	-	-
Pinjaman pasaran	-	-	-	-
Pinjaman projek	-	-	-	-
Bayaran Balik	RM131.53 billion	RM135.22 billion	100 peratus	100 peratus
Dalam Negeri	RM131.26 billion	RM134.92 billion	99.8 peratus	99.8 peratus
Luar Pesisir	RM266 juta	RM300 juta	0.2 peratus	0.2 peratus
Pinjaman Bersih	RM99.421 billion	RM93.28 billion	-	-
Dalam Negeri	RM99.687 billion	RM93.58 billion	-	-
Luar Pesisir	-RM266 juta	-RM300 juta	-	-
Perubahan Aset ¹	RM61 juta	-RM40 juta	-	-
Jumlah Pembentukan Defisit	RM99.482 billion	RM93.24 billion	-	-

¹(+) menunjukkan pengurangan aset, (-) menunjukkan pertambahan aset

²Anggaran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

